

POH KONG®

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

WHISTLEBLOWING POLICY

[AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010]

[PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010]

**POH KONG HOLDINGS BERHAD
[NO. SYARIKAT: 200201018476 (586139-K)]**

&

**ANAK-ANAK SYARIKATNYA
POH KONG HOLDINGS BERHAD
[COMPANY NO.: 200201018476 (586139-K)]**

&

ITS SUBSIDIARIES

**Alamat / Address : 16 - 20, Jalan 52/4
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.**

No. Telefon / Phone No. : 03 - 7940 3333

No. Faks / Fax No. : 03 - 7957 2404

Laman Web / Website : <https://www.pohkong.com.my>

**Tarikh Kuatkuasa : 01 JUN 2020 / 1st JUNE 2020
/ Enforcement Date**

1. PENGENALAN – INTRODUCTION

- 1.1. Matlamat **Polisi Pemberian Maklumat** ini adalah untuk semua Pekerja yang berkhidmat dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat supaya dapat **mendedahkan maklumat dan informasi dalam cara yang bebas, berkecuali** dan Polisi ini juga adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

*The objective of the **Whistleblowing Policy** is to ensure that the employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries can **disclose concerns and information about possible improprieties without fear of reprisal**. This Policy has been formulated in accordance with the Personal Data Protection Act 2010.*

- 1.2. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat sentiasa komited dalam memastikan operasi Syarikat dijalankan mengikut Etika Tertinggi dan berpandukan Lunas Undang-Undang. Lembaga Pengarah dan Pengurusan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat sedar bahawa dalam memastikan perkara ini dapat dicapai, Pengarah Syarikat, Pekerja, Pelanggan, Pembekal, Kontraktor dan Sub-Kontraktor perlulah percaya dan yakin bahawa isu-isu berbangkit dapat diselesaikan secara adil, telus dan jujur.

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are committed to maintaining the highest standards of transparency, integrity, ethics and accountability. The Board of Directors and Management of the Company realize that in order to encourage Directors, Employees, Clients, Suppliers, Contractors and Sub-Contractors to raise fair and truthful concerns, it must provide them with a safe avenue to report improper conduct.

- 1.3. Polisi Pemberian Maklumat ini memberikan **jaminan bahawa Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat** tidak akan berada dalam bahaya dari apa-apa bentuk gangguan, hukuman atau tindakan balas daripada ketua mereka atau daripada mana-mana pihak dalam pengurusan Syarikat.

*The Whistleblowing Policy **protects Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries** against any form of harassment, punishment or retaliation from their supervisor or from any other member of the Company's management team.*

- 1.4. Namun begitu, Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat mestilah bertindak secara jujur dalam setiap laporan mereka. Jaminan ini **tidak meliputi** mereka yang didapati telah mengemukakan laporan atau maklumat itu dengan niat tidak jujur atau berniat jahat.

*However, the Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are expected to be honest and truthful in each of their reports. The guarantee of protection **will not cover** those who are found to have submitted false or untrue reports or information.*

- 1.5. Polisi ini terpakai dan mengikat Pengarah, Pekerja Syarikat, Pembekal, Kontraktor, Sub-Kontraktor dan termasuklah Pihak Ketiga yang mempunyai hubungan dengan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat.

This Policy applies to the Directors, Employees, Clients, Suppliers, Contractors, Sub-Contractors and other stakeholders including members of the public who have dealings with the Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.

- 1.6. Polisi ini juga menyediakan Prosedur bagi memastikan setiap kesalahan (pada setiap peringkat) yang dilakukan dapat dilaporkan dan pemantauan dapat dilaksanakan. Polisi ini juga bertindak sebagai suatu bentuk Perlindungan bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya penyalahgunaan.

This Policy outlines the procedures for reporting of any improper conduct at all levels of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and ensuring that these reports are properly addressed and managed. This Policy also safeguards the whistleblower against the likelihood of detrimental action.

2. KUATKUASA - ENFORCEMENT

2.1. Polisi Pemberian Maklumat ini adalah versi semakan semula dan sah serta mulai berkuatkuasa pada tarikh **01 Jun 2020**.

*The Whistleblowing Policy is a revised version and is effective from **01st June 2020**.*

3. OBJEKTIF - *OBJECTIVE*

- 3.1. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat adalah komited dalam mencapai dan mengekalkan Standard yang tinggi berhubung dengan tingkah laku di tempat kerja.

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries is committed to achieve and maintain the highest levels of transparency and integrity at the workplace.

- 3.2. Objektif Polisi Pemberian Maklumat ini ialah untuk menyediakan garis panduan dan menggalakkan Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat untuk **mengemukakan pendedahan** yang tulen/jujur tentang berlakunya kemungkinan perbuatan salahlaku atau kelakuan tidak wajar dalam hal Laporan Kewangan, Pematuhan dan Amalan Salah yang lain pada peluang terawal dan dalam cara yang sewajarnya.

The objective of this Policy is to guide and encourage employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to disclose any misconduct, insubordination or wrongdoing in a proper manner and at the earliest opportunity.

- 3.3. **DASAR** dalam Polisi Pemberian Maklumat ini adalah terpakai ke atas semua Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat dan bertujuan untuk:-

The Whistleblowing Policy applies to all Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries and aims to:-

- [a] Memastikan Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat boleh memaklumkan mengenai perbuatan salahlaku atau kelakuan tidak wajar tanpa berasa takut; dan

Ensure that Employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries can disclose misconduct or wrongdoing without fear; and

[b] Menyediakan satu proses yang telus dan sulit untuk menangani pendedahan perbuatan salahlaku atau kelakuan tidak wajar itu.

Provide a transparent and confidential process to deal with the disclosure of misconduct or improprieties.

- 3.4. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat telahpun menubuhkan Polisi mengenai Amalan Korporat yang boleh dipraktikkan. Sebagai sebahagian daripada Polisi ini, Pengurusan Syarikat termasuklah Pekerja hendaklah mengekalkan **Nilai Integriti dan Ketelusan pada tahap tertinggi** dalam menjalankan urusan dan perniagaan bagi pihak Syarikat. Pengurusan Syarikat dan Pekerja Syarikat juga hendaklah mematuhi Kod Etika yang ditetapkan oleh Syarikat termasuklah Undang-Undang dan Peraturan yang telahpun ditetapkan.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries are committed to the highest standards of corporate practice. As part of this policy, its management and employees are expected to maintain the **highest levels of integrity and transparency** in their dealings on behalf of the company and the management of the Company's business. This includes strict compliance with the Code of Ethics and all applicable laws and regulations prescribed by the Company.*

- 3.5. Polisi Pemberi Maklumat ini adalah sebahagian daripada usaha Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat dalam memastikan Persekitaran Kerja yang selamat dan beretika dapat dicapai sekaligus, memastikan segala tanggungjawab syarikat kepada Pemegang Amanah, Pihak Berkuasa Berkaitan dan Komuniti dapat dilaksanakan. Sebagai tambahan, Polisi ini juga dapat menggalakan / memastikan Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat memainkan peranannya dalam meningkatkan keberkesanan dan kejayaan syarikat secara keseluruhannya. Dengan mewujudkan **Suasana Keterbukaan dan Kepercayaan**, segala perbuatan salah, tidak beretika dan menyalahi Undang-Undang yang telahpun berlaku dan berkemungkinan akan berlaku dapat dibasmi / dicegah sepenuhnya.

*This Whistleblowing Policy is an integral part of the commitment of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to provide a safe and ethical work environment, to meet its obligations to its stakeholders, the relevant authorities, the community and the environment and to encourage them to play their part in improving the overall effectiveness and success of the Company. The objective of creating **an atmosphere of openness and trust** is to eradicate all unethical and illegal practices which may previously have gone unnoticed.*

- 3.6. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat tidak akan bertolak ansur ke atas perbuatan berbentuk Penyelewengan, Ketidakpatuhan Undang-Undang dan salahlaku yang dilakukan oleh Pengarah atau Pekerja Syarikat dalam melaksanakan tugasannya. Polisi ini adalah bertujuan untuk menyediakan Rangka Kerja bagi memastikan Pemberi Maklumat dapat menjalankan tanggungjawabnya tanpa perlu merasa takut ke atas apa-apa kesan buruk yang mungkin berlaku.

Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries have zero tolerance for any malpractice, impropriety, Statutory Non-Compliance or wrongdoing by Directors or Employees in the course of their work. This Policy is designed to enable Whistleblowers to discharge their duties and responsibilities without fear of reprisal.

- 3.7. Dengan pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat ini, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat dapat memastikan **Laporan dan Pendedahan** mengenai perbuatan tidak beretika dan penipuan yang dilakukan oleh **Pengarah, Pekerja atau Pegawai Pengurusan bagi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat (tanpa mengira kedudukan)** dapat dilaksanakan sekaligus tindakan pencegahan dapat diambil dengan kadar segera. Polisi ini juga menyediakan Prosedur bagi membolehkan Pengarah Syarikat dan Pekerja mendedahkan apa sahaja perbuatan Penyelewengan

tidak kira samada informasi / maklumat yang diperolehi tersebut bersifat sulit ataupun sebaliknya.

*By this Policy, Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries seek to encourage the reporting of unethical or fraudulent practices **by directors, employees or management of the Company [regardless of position]** so that damage control or remedial action can be taken promptly. Any person may report incidents pursuant to this Policy. It provides the procedure to be followed by Directors and Employees in raising or disclosing genuine concerns about malpractices, regardless of where this may be and whether the information involved is confidential or not.*

- 3.8. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat menyedari **pentingnya ketelusan dan kebertanggungjawaban** dalam Amalan Pentadbiran dan Pengurusannya serta menyokong pendedahan perbuatan salah atau tingkah laku tidak wajar atau penyalahgunaan sumber, maklumat dalaman dan/atau harta Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries recognize the **importance of transparency and accountability** in its administrative and management practices and support the disclosure of misconduct, improper behaviour or misuse of resources, internal information and / or property of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.*

- 3.9. Polisi ini menumpukan kepada Sistem Laporan, Penilaian Pendedahan, Penyiasatan Aktiviti yang dikatakan tidak wajar itu, Pengurusan Pemberi Maklumat (termasuk kebajikan dan kerahsiaan) dan proses semakan bagi memastikan dasar dan prosedur kekal berkesan.

This Policy provides the basis for the Reporting System, Disclosure Evaluation, Investigation of Misconduct, Management of the Whistleblower (including confidentiality and wellbeing) and the Review Process to enure the efficacy of the process.

3.10. Pengurusan Poh Kong Holdings Berhad adalah bertanggungjawab untuk **menyiasat dan membuat pencegahan** kesalahan, kejanggalan dan/atau tingkah laku yang tidak wajar atau tidak beretika.

*The Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries is responsible for **investigating and preventing** malpractice, unlawful acts or improper conduct and unethical behavior.*

3.11. Tiada Pekerja boleh menggunakan kedudukan mereka untuk menghalang Pekerja lain daripada menggunakan hak-hak mereka atau mematuhi kewajipan mereka sepertimana yang dinyatakan dalam Polisi ini.

No Employee may use their position to prevent other Employees from exercising their rights and obligations as set out in this Policy.

3.12. Polisi ini adalah tertakluk kepada **semakan dan perubahan** selaras dengan perkembangan Syarikat dan /atau perubahan undang-undang. Dasar ini akan dipinda dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan keadaan yang berubah seperti yang diperlukan.

*This policy is subject to **revision and changes** in accordance with the Company's development and / or legal changes. This policy shall change to suit the changing circumstances as and when necessary.*

4. SKOP POLISI – *SCOPE OF POLICY*

- 4.1. Polisi ini bukan sahaja meliputi ketidakwajaran yang mungkin dalam hal-hal laporan kewangan, tetapi juga termasuklah:-

This policy covers not only possible misconduct in financial reporting, but also includes:-

[a] Penipuan;

Fraud;

[b] Amalan salah - seperti tingkah laku yang tidak bermoral, yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika (termasuk apabila Kesihatan & Keselamatan seseorang telah diletakkan dalam bahaya);

Malpractices - such as immoral behavior, illegal or unethical activities (including endangering a person's Health & Safety);

[c] Rasuah / Suapan;

Bribery / Gratification;

[d] Kesalahan Jenayah;

Criminal Offences;

[e] Kegagalan untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau peraturan;

Failure to comply with legal or regulatory obligations;

[f] Salah Laksana Keadilan;

Miscarriage of Justice;

- [g] Kecurian;
Theft;
- [h] Salah Guna Harta Benda Syarikat;
Misuse of Company Property;
- [i] Gagal Mematuhi Prosedur;
Failure to Comply with Policy and Procedure;
- [j] Konflik Kepentingan;
Conflict of Interest;
- [k] Menerima / Meminta Rasuah / Suapan / Sogokan;
Receiving / Requesting Bribery / Gratification;
- [l] Memberi Rasuah / Suapan / Sogokan;
Giving Bribery / Gratification
- [m] Pecah Amanah Jenayah;
Criminal Breach of Trust;
- [n] Gangguan Seksual;
Sexual Harassment;
- [o] Salah Guna Maklumat Sulit;
Misuse of Confidential Information;
- [p] Penyembunyian apa-apa atau gabungan perkara-perkara di atas.
Any concealment or combination of the above matters.

4.2. Polisi ini **BUKANLAH** untuk membatalkan Prosedur Tindakan Tatatertib tetapi untuk menyediakan lebih banyak saluran bagi Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat untuk mendedahkan perbuatan salahlaku atau tingkah laku tidak wajar yang dilakukan atau yang akan dilakukan terhadap Syarikat.

*This Policy is **NOT** to revoke the Disciplinary Procedure but to provide more channels for employees of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to disclose unlawful acts or improper conduct or actions committed or to be committed against the Company.*

5. PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN – *PROCEDURE OF DISCLOSURE*

- 5.1. Mana-mana Pekerja Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat dengan munasabah dan dengan niat yang baik bahawa terdapat salah laku dan/atau kelakuan tidak wajar wujud di tempat kerja, Pekerja tersebut **hendaklah melaporkan perkara ini dengan segera** kepada Pengarah Urusan atau Pengurus Jabatan Sumber Manusia.

*Any Employee of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries acting in good faith and with good intentions **shall report** an offense and / or misappropriation in the workplace **immediately** to the Managing Director or Human Resources Department Manager.*

- 5.2. Laporan boleh dibuat **secara bertulis** dengan syarat maklumat lengkap [**Nama, Nombor Mykad, Alamat, Nombor Pekerja Dan Nombor Telefon**] disertakan untuk mengesahkan Identiti Pemberi Maklumat itu dan untuk mengelakkan maklumat palsu.

*Reports should be made in writing and include complete information (**Name, Mycard Number, Address, Employee Number and Telephone Number**) to validate the identity of **the Whistleblower**.*

- 5.3. Pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara-perkara sepertimana berikut:-

Disclosures made under this Policy shall at least contain: -

- [a] Bukti Salah laku, penyelewengan, ketidakteraturan, penipuan atau yang berkaitan;

Evidence related to misconduct, misappropriate, irregularity or fraud;

- [b] Bagaimana ia dilakukan atau terjadi, gambaran atau keadaan insiden;
The nature, circumstances and any supporting evidence of the incident;
- [c] Nama Pekerja yang terlibat;
The name of the Employee involved;
- [d] Masa, tempat, tarikh kejadian;
Time, place, date of occurrence;
- [e] Nama saksi;
Name of the witness;
- [f] Dokumentasi dan rekod yang terlibat;
Documentation and records involved;
- [g] Apa-apa dokumen yang berkaitan.
Any relevant documents.

- 5.4. Sekiranya pendedahan dibuat **secara lisan**, ianya hendaklah direkodkan dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh Pemberi Maklumat di hadapan **Pegawai Penerima Laporan** untuk mengelakkan sebarang salah faham atau maklumat salah.

*In the case of a verbal disclosure, the report shall be recorded in writing and signed by the Whistleblower in the presence of the **Receiving Officer** to avoid any misunderstanding or false information.*

- 5.5. Pekerja yang bimbang untuk membuat pendedahan kepada Pekerja yang lain, bolehlah melaporkan secara sulit, kepada **Pihak Ketiga Yang Bebas [rujuk kepada Penasihat Integriti atau Individu yang diberi kuasa olehnya]** dengan kehadiran Pengurus Sumber Manusia atau pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

*Employees who prefer to remain anonymous, may report confidentially to **Independent Third Parties [refer to Integrity Advisor or Authorized Person]** in the presence of the Human Resources Manager or any Authorized officer of the Company.*

- 5.6. Pekerja yang telah mengemukakan pendedahan kelakuan tidak wajar melalui saluran dalaman akan dimaklumkan oleh **Pegawai Penerima Laporan** yang mengendalikan hal itu mengenai cara / kaedah yang digunakan untuk menghubungi Pegawai Bertanggungjawab tersebut sekiranya bantuan lanjut diperlukan.

*An Employee, who makes a disclosure through an internal channel, will be notified about the designated **Receiving Officer** and informed about the procedure to be followed to contact the Officer responsible if further assistance is required.*

- 5.7. Sebarang pendedahan yang Nama Pengadunya adalah tidak diketahui dan/atau tidak lengkap, **tidak akan dilayan**. Mana-mana Pekerja yang ingin melaporkan tingkah laku yang tidak wajar **hendaklah mendedahkan identitinya kepada Syarikat** bagi membolehkan Syarikat memberi perlindungan yang diperlukan kepadanya.

*Any anonymous or incomplete disclosure **will not be entertained**. Any Employee who wishes to report improper conduct **is required to disclose his identity** to enable the Company to accord him with the necessary protection.*

- 5.8. Pemberi Maklumat bolehlah menggunakan Prosedur yang ditetapkan dalam Polisi ini bagi membuat Laporan / Aduan mengenai Hal-Hal Perakaunan dan Audit, Kawalan Dalaman, Konflik Kepentingan, Urusniaga Dalaman, Pelanggaran yang serius ke atas Polisi ini, Persaingan, Amalan Kerja yang tidak selamat atau perbuatan-perbuatan melibatkan Penipuan, Rasuah dan Salahlaku yang dilakukan oleh Pengarah dan Pekerja Syarikat.

The Whistleblower may use the procedures set out in this Policy to report any concern or complaint pertaining to irregular accounting practices or auditing matters, internal controls, conflict of interest, insider trading, collusion with competitors, serious breaches of this Policy, unsafe work practices or any other matters involving fraud, corruption and misconduct of directors or employees.

- 5.9. Dengan berkuatkuasanya Polisi Pemberi Maklumat ini, Pemberi Maklumat dapat memberikan Laporan kepada Pegawai Penerima Laporan **tanpa perlu merasa takut, bimbang ke atas diskriminasi ataupun kesan buruk yang boleh berlaku** serta memberi kuasa kepada Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat menerusi **Penasihat Integriti** untuk mengambil tindakan sewajarnya termasuklah Tindakan Disiplin terhadap pihak yang bertanggungjawab.

*This Policy provides the Whistleblower with the right to disclose information to the Receiving Officer **without fear of reprisal, discrimination or adverse consequences**. It also allows Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries to address such reports through a designated **Integrity Officer** and take appropriate action, including Disciplinary Action against the party concerned.*

- 5.10. Polisi Pemberi Maklumat ini berkuatkuasa ke atas Pemberi Maklumat yang memberi maklumat yang **tulen dan sah sahaja** sekaligus melindungi Pemberi Maklumat daripada sebarang tindak balas yang tidak adil. Polisi ini melarang sepenuhnya segala aduan / laporan dan maklumat berbentuk sembrono dan palsu. Polisi ini tidak bertindak bagi menangani **Rungutan berbentuk Peribadi** yang sepatutnya dicegah dan ditandangani oleh Ketua Atasan atau Ketua Bahagian.

*This Policy is meant to **protect Genuine Whistleblowers** from any unfair treatment as a result of their report/disclosure. It strictly prohibits frivolous or false reports. The Policy is not meant to address **personal grievances** which should be taken up with the Head of Department and Division.*

5.11. Penasihat Integriti mempunyai tanggungjawab yang khusus bagi memudahkan pelaksanaan Polisi ini dan memastikan setiap Pekerja Syarikat sedar tentang kepentingan Polisi ini sekaligus mematuhi Polisi ini tanpa sebarang rasa takut. Bagi memudahkan pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat ini, **Penasihat Integriti akan memberikan Latihan dan Penerangan** secukupnya kepada Pekerja Syarikat.

*The Integrity Advisor is responsible for ensuring that this Policy is properly enforced and that every Company Employee is aware of its importance and complies with the Policy without any fear. To facilitate this process, the **Integrity Advisor will conduct training** for all Company Employees.*

6. KERAHSIAN - *CONFIDENTIALITY*

- 6.1. Bagi mengelakkan daripada reputasi orang yang terbabit itu terjejas dan untuk melindungi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat daripada kemungkinan tanggungan sivil, penerima laporan yang dibuat di bawah Dasar ini, Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang terlibat dalam proses siasatan **hendaklah tidak** membincangkan atau mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan pendedahan atau apa-apa bahagian daripadanya, status atau hasil siasatan, kecuali dalam hal sepertimana berikut:-

*In order to protect the reputation of the affected person and to protect the Company from the possibility of civil liability, the recipient of the report, the whistleblower or any person involved in the investigation process **shall not discuss or disclose information** relating to the disclosure or any part thereof, nor the status or result of the investigation, with the following exceptions:*

- [a] Pendedahan adalah dibuat kepada mereka yang diberi kuasa di bawah Polisi ini dan mempunyai hak yang sah untuk mengetahui;

Disclosures are made to those authorized under this Policy and have the right to know;

- [b] Pendedahan hendaklah mengikut undang-undang atau oleh keperluan yang mengikat dari segi undang-undang mana-mana pihak berkuasa berkaitan; atau

Disclosures are in accordance with the law or meet the requirements of any relevant authority; or

- [c] Pendedahan adalah dibuat atas dasar kerahsiaan kepada seorang Peguam yang layak secara profesional bagi tujuan mendapatkan nasihat Undang-Undang.

Disclosure is made on the basis of confidentiality to a professionally qualified Lawyer for the purposes of obtaining legal advice.

6.2. Pemberi Maklumat haruslah dimaklumkan mengenai perkara-perkara sepertimana berikut:-

The Whistleblower must be informed of the following:-

[a] **Tidak menghubungi individu yang disyaki** dalam usahanya untuk memastikan fakta yang telah dilapor; dan
Not contacting the suspected individual in his or her business to ascertain the facts reported; and

[b] **Tidak membincangkan kes, fakta, kesangsian atau tuduhan dengan sesiapa pun** kecuali diminta secara khusus untuk berbuat demikian oleh Penasihat Integriti, Penyiasat atau pegawai yang diberi kuasa oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat.
Not discussing cases, facts, doubts or allegations with anyone unless specifically requested to do so by the Integrity Advisor, Investigators or Officer Authorized by the Company.

7. PENGENDALIAN PENYIASATAN – *HANDLING OF INVESTIGATION*

- 7.1. **Pegawai Penyiasat** hendaklah, secepat yang boleh dilaksanakan dalam tempoh yang munasabah sebaik sahaja menerima pendedahan yang dikemukakan di bawah Polisi ini, menjalankan penilaian awal ke atas maklumat tersedia yang diberikan. Ini mungkin memerlukan Rakaman Kenyataan dengan Pemberi Maklumat (jika berkaitan) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

*Upon receiving a report, the **Investigating Officer** shall, within a reasonable period of time, do a preliminary assessment of the information provided. This may require a session with the Informant / Whistleblower (if applicable) to record his Statement and obtain additional information.*

- 7.2. Semasa siasatan dijalankan, Rakaman Kenyataan mestilah dijalankan pada bila-bila masa yang boleh dengan semua saksi yang berkaitan, dan semua usaha mestilah dilakukan untuk mengumpulkan data dan bahan yang berkaitan daripada semua sumber yang tersedia.

During the investigation, the Whistleblower's statement must be recorded in the presence of relevant witnesses, and every effort made to collect relevant data and evidence from all available sources.

- 7.3. Semua Rakaman Kenyataan dan aktiviti yang berkaitan dengan penyiasatan mestilah didokumenkan dalam bentuk bertulis dan difailkan untuk tujuan rekod bagi menyokong dapatan-dapatan, syor-syor dan/atau tindakan yang diambil.

All Statements and activities in respect of the investigation must be documented in writing and filed for record purposes in support of the findings, recommendations and / or actions taken.

- 7.4. Pemberi Maklumat hendaklah menggunakan Polisi Pemberi Maklumat ini dan memaklumkan kepada Pegawai Penyiasat bahawa Pemberi Maklumat mahu supaya identitinya dirahsiakan. Semua urusan melibatkan Pemberi Maklumat akan dikendalikan dengan sempurna tanpa perlu mendedahkan identiti Pemberi Maklumat.

Under the guidelines of The Whistleblowing Policy, a Whistleblower should inform the Investigating Officer if he/she wants their identity to be kept confidential. The Whistleblower's disclosures will be handled with a view to preserving his/her anonymity.

- 7.5. Pemberi Maklumat yang memberikan maklumat berkaitan Penyelewengan **hendaklah dilindungi** daripada gangguan akibat pendedahan tersebut. Sebaik sahaja maklumat tersebut diterima dan Siasatan dijalankan, Pegawai Khas akan dilantik oleh pihak Syarikat atas nasihat yang diberikan oleh Penasihat Integriti di mana Pegawai Khas tersebut tidak akan terlibat dalam proses Siasatan berkenaan. Sebaliknya, Pegawai Khas tersebut akan membantu Pemberi Maklumat bagi memastikan maklumat yang lengkap dikemukakan.

*A Whistleblower **shall be protected** from harassment or reprisals as a consequence of their disclosure. When a disclosure is received and an investigation is commenced, a Special Officer will be appointed by the Company as advised by the Integrity Advisor. This Officer will not be involved in investigating the disclosure but will assist the Whistleblower to submit complete and relevant information.*

- 7.6. Pemberi Maklumat adalah digalakkan untuk memberi maklumat dan membuat pendedahan tentang perbuatan tidak jujur, penipuan, rasuah, bercanggah dengan Undang-Undang, perbuatan buli atau hasutan, menjerumus kepada Konflik Kepentingan atau melibatkan penyalahgunaan maklumat sulit dan sensitif atau penafian kepada suatu bentuk Keadilan.

The Whistleblower is encouraged to make a disclosure of any actions or behavior that is dishonest, fraudulent, corrupt, unlawful, harrassment, represents a serious conflict of interest, involves a misuse of sensitive or confidential information or a miscarriage of justice.

- 7.7. Perkara-perkara yang dilaporkan akan **disemak dan dikaji** dalam tempoh masa yang munasabah. Selepas siasatan dijalankan, Keputusan akan dikeluarkan samada wujudnya Keperluan untuk menjalankan Siasatan Lanjut ataupun sebaliknya. Dalam membuat Keputusan tersebut, rujukan lanjut bolehlah dibuat kepada **Pengurusan Tertinggi Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat.**

*All matters reported will be **reviewed** within a reasonable timeframe, and after due consideration and inquiry, a decision will be taken on whether to proceed with a detailed investigation or not. Further direction may be sought from **top Management of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries.***

- 7.8. Aduan dan Pendedahan yang diterima akan dirujuk kepada Penasihat Integriti dan Penasihat Integriti bolehlah merujuk sesuatu Aduan / Maklumat kepada Pengurusan Tertinggi Syarikat (sekiranya perlu).

Disclosures and Reporst received wil be directed to the Integrity Advisor who may refer this matter to Top Management of the Company (if necessary).

- 7.9. Sekiranya Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat mendapati bahawa pelanggaran tersebut telahpun berlaku dan dibuktikan setelah Siasatan sewajarnya disempurnakan, maka **Tindakan Pemulihan yang Efektif [termasuklah Tindakan Disiplin]** sewajarnya boleh diambil oleh Syarikat yang setimpal dengan keseriusan salahlaku tersebut.

*If at the conclusion of an investigation, Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries find that the allegations are substantiated, **effective remedial action [including Disciplinary Action]** commensurate with the severity of the offence will be taken.*

8. PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT – *PROTECTION TO WHISTLEBLOWER*

- 8.1. Pemberi Maklumat akan diberi Perlindungan Kerahsiaan Identiti, setakat yang boleh dilaksanakan secara munasabah di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010**.

*The identity of Whistleblowers will be protected to the extent practicable under the **Whistleblower Protection Act 2010**.*

- 8.2. Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat, Pegawai Penyiasat dan Penasihat Integriti tidak akan mendedahkan identiti beliau kepada mana-mana Pihak Ketiga tanpa kebenaran beliau kecuali pendedahan itu adalah dikehendaki oleh Undang-Undang atau oleh keperluan yang mengikat dari segi undang-undang mana-mana pihak berkuasa berkaitan atau atas dasar rahsia kepada **Peguaam Yang Layak Secara Profesional** bagi tujuan untuk mendapatkan nasihat undang-undang.

*Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries, the Investigating Officer and Integrity Advisor will not disclose a Whistleblower's identity to any third party without his or her consent unless the disclosure is required by law or by the legally binding requirements of any relevant authority, or on a confidential basis to a **legally qualified and professional Lawyer** for the purpose of obtaining legal advice.*

- 8.3. Pegawai Penyiasat adalah dikehendaki untuk memaklumkan Pemberi Maklumat sebelum mendedahkan identiti mereka atau jika boleh, sebelum pendedahan identiti itu, Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat akan berbincang dengan Pemberi Maklumat untuk mengambil jalan terbaik seterusnya untuk bertindak ke atas perkara tersebut.

Before disclosing a Whistleblower's identity, Investigators will need to get his/her consent, or if possible, Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries will discuss the best possible course of action with the whistleblower.

9. PEMBERITAHUAN – NOTIFICATION

- 9.1. Polisi Pemberi Maklumat ini adalah sulit dan untuk digunakan secara khusus oleh Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat sahaja. Polisi Pemberi Maklumat ini atau maklumat yang terkandung di dalamnya tidak sekali-kali boleh diedarkan, dicetak semula atau dikeluarkan semula dalam apa-apa bentuk **tanpa mendapat kebenaran bertulis** daripada Poh Kong Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat. Hanya pihak yang terlibat akan diberikan kebenaran untuk menggunakan maklumat yang berkaitan.

*This Whistleblowing Policy is private & confidential and can only be used by Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries. Every Party is restricted from distributing, reprinting or making copies of this Policy **without the Written Approval** of Poh Kong Holdings Berhad & Its Subsidiaries. Only the party involved will be given the authority to use the related information.*